

SOALAN NO: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2017
SOALAN : 33

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai projek pembinaan hospital yang gagal disiapkan menurut jadual dan faktor kegagalan tersebut serta jumlah kekangan kewangan bagi menyiapkan hospital-hospital berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memandang berat isu kelewatan projek-projek pembangunan terutamanya yang melibatkan pembinaan Hospital dan Klinik baharu. KKM juga sedar bahawa kelewatan penyediaan projek tersebut akan mengakibatkan kelewatan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada masyarakat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bagi pembinaan fasiliti kesihatan, pihak KKM telah melantik Agensi Teknikal iaitu pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan projek-projek fasiliti kesihatan.

Buat masa ini, projek-projek hospital yang didapati lewat siap ialah Hospital Sri Aman, Hospital Petrajaya, Hospital Rembau dan Hospita Bera.

Antara faktor kelewatan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

1. Perubahan kerja disebabkan keadaan tapak
2. Kekurangan pekerja di tapak
3. Kelemahan strategi pengurusan pembinaan pihak kontraktor dalam mengoptimumkan sumber di tapak
4. Pembinaan yang tidak mengikut perancangan
5. Pemilihan kontraktor/sub kontraktor yang tidak kompeten

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kelewatan projek bukanlah disebabkan oleh masalah kewangan. Pihak EPU telah menyediakan peruntukan yang secukupnya berdasarkan kepada unjuran kewangan yang disediakan oleh agensi pelaksana.